



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Bahagian
Penyelidikan dan
Inovasi

Research & Innovation Division UiTM Cawangan Selangor

ACADEMIC EXCELLENCE

**LAPORAN PROGRAM DAN AKTIVITI
Tahun 2022**

Sesi Taklimat dan Penyerahan Surat Tawaran Geran Penyelidikan Fakulti UiTM Cawangan Selangor (DUCS-FAKULTI) Tahun 2022

6 Oktober 2022 – Sesi Taklimat dan Penyerahan Surat Tawaran Geran Penyelidikan Fakulti UiTM Cawangan Selangor (DUCS-FAKULTI) Tahun 2022 di DK500, Bangunan FF4, UiTM Cawangan Selangor. Sesi penyerahan surat tawaran DUCS-FAKULTI telah disempurnakan oleh YBhg. Prof. Dr. Ahmad Sazali Hamzah, Rektor UiTM Cawangan Selangor. Program ini dihadiri oleh Dekan-Dekan, Timbalan Dekan Penyelidikan dan Inovasi UiTM Cawangan Selangor. Pada program tersebut telah diadakan sesi taklimat oleh Pejabat Bendahari UCS dan juga koordinator, Bahagian Penyelidikan dan Inovasi, UCS berkaitan pengurusan kewangan, KPI geran dan pengurusan penyelidikan.



Menyeriakan Potensi
Membentuk Masa Hadapan

Bengkel Pemantapan Tadbir Urus dan Strategi Bahagian Penyelidikan dan Inovasi, UCS Tahun 2022

5 Oktober 2022 – Bahagian Penyelidikan dan Inovasi, UCS telah menganjurkan Bengkel Pemantapan Tadbir Urus dan Strategi Bahagian Penyelidikan dan Inovasi, UCS bertempat di Bilik Mesyuarat 1, Aras 2 Bangunan FF1, UCS. Tujuan bengkel adalah bagi melihat semula Tadbir Urus dan pencapaian Strategi Bahagian Penyelidikan dan Inovasi, UCS bagi tahun 2022 agar selaras dan sejajar dengan strategi universiti ke arah GRU2025. YBhg. Prof. Ts. Dr. Asmah Awal, Timbalan Rektor (Penyelidikan dan Inovasi) telah merasmikan bengkel dan telah memberi ucapan dan hala tuju sasaran terkini.



Eksplorasi Penyelidikan di Hutan UCS

30 September 2022 –Bahagian Penyelidikan dan Inovasi, UCS bersama Fakulti Perladangan dan Agroteknologi, UiTM Kampus Jasin telah berkerjasama bagi meninjau hutan UCS bagi tujuan pengumpulan data-data penyelidikan pelajar pascasiswazah serta meninjau ekosistem dan tumbuhan yang terdapat di kawasan sekitar.



Menyerlahkan Potensi
Membentuk Masa Hadapan

Perbincangan penyelidikan bersama pihak industri dan komuniti

28 September 2022 – Perbincangan bersama Syarikat Nasir Gemilang Berhad bagi potensi kerjasama di dalam bidang penyelidikan berkaitan agropreneur bagi membantu komuniti.



SESI PERBINCANGAN BERKAITAN KOLOBORASI PENYELIDIKAN BERSAMA INSTITUT OF BIOTECHNOLOGY MALAYSIA (ABI)

28 September 2022 – Sesi perbincangan dan peluang kerjasama di antara Bahagian Penyelidikan dan Inovasi, UCS bersama Agro-Biotechnology Institute Malaysia (ABI). Perbincangan tertumpu ke arah kerjasama penyelidikan dan pengkomersilan di dalam bidang *biotechnology*.



Program `Gets Inspired Series : From Lab to Market` 2nd Series

21 September 2022 – Program ‘Gets Inspired Series : From Lab to Market’ 2nd Series di Research Café, Bangunan FF1, UiTM Cawangan Selangor. Panel jemputan bagi program ini ialah Prof. Madya Dr. Siti Hamimah Mohd Setapar, Founder, NK Age Reverse dan juga merupakan Timbalan Dekan, (*Research, Innovation, Commercialization and Linkages*) Malaysia-Japan International Institute of Technology (MJIIT) UTM Kuala Lumpur.

Universiti Teknologi
Membentuk Masa Hadapan



Jemputan ke program Science Café @ABI

20 September 2022 – YBhg. Prof. Ts. Dr. Asmah Awal, Timbalan Rektor (Penyelidikan dan Inovasi, UCS telah dijemput sebagai panel bagi berkongsi maklumat dan pengalaman di dalam bidang penyelidikan di Agro-Biotechnology Institute Malaysia (ABI), National Institutes of Biotechnology Malaysia (NIBM).



Mesyuarat Bersama Koperasi Bersepadu Rungkup Berhad melalui Program TOP@UCS

19 September 2022 – Mesyuarat bersama Koperasi Rungkup Berhad bagi membincangkan program dan aktiviti kerjasama di dalam membantu komuniti setempat melalui program TOP@UCS.



Menyerlahkan Potensi
Membentuk Masa Hadapan

SESI LAWATAN KE GREENHOUSE UCS BAGI MENINJAU PROGRES PROJEK KOLABORASI BERSAMA SYARIKAT BELLUS TERRA SDN. BHD.

15 September 2022 – Lawatan ke Greenhouse UCS bagi meninjau progress tanaman kunyit hitam projek kolaborasi bersama pihak syarikat Bellus Terra Sdn. Bhd.



Evidence-Based Practices for Impactful Research Strategies Workshop


2 September 2022 - Ahli Taskforce telah menghadiri *Evidence-Based Practices for Impactful Research Strategies Workshop* bertempat di Universiti Tuanku Abdul Rahman. Antara kertas kerja yang dibentangkan adalah seperti berikut :

- *How do Universities use Data and Analytics?* by Alexander van Servellen, Elsevier.
- *Academic Talent Identification and Research Impact Improvement* by Taizan Chan, National University of Singapore.
- *University Rankings Data and Indicators* by Alexander van Servellen, Elsevier.
- *The Use of SciVal for Identifying Chulalongkorn International Strategic Partners & Raising up Our Research Visibility Globally* by Dr. Pattharaporn Suntharasaj, Chulalongkorn University.



Evidence-Based Practices
for Impactful Research
Strategies

Malaysia, 2nd September 2022
Universiti Tuanku Abdul Rahman



Menyerlahkan Potensi
Membentuk Masa Hadapan



Sharing Session : Bersama En. Ahmad Tarmizi Kamaruzaman, Pegawai Eksekutif P&I

29 Ogos 2022 – Sesi Perkongsian bersama En. Ahmad Tarmizi Kamaruzaman, Pegawai Eksekutif Bahagian Penyelidikan dan Inovasi, UCS yang akan berpindah ke Kolej Seni Kreatif berkuatkuasa pada 1 September 2022. Beliau telah berkongsi berkaitan bidang tugas beliau di P&I kepada warga BPI dan juga pengganti beliau.



Menyerlahkan Potensi
Membentuk Masa Hadapan



Lawatan ke Program Penyaringan Kesihatan Bersama As-Sunnah Global Venture Sdn. Bhd.

23 Ogos 2022 – Timbalan Rektor (Penyelidikan dan Inovasi) UCS telah meluangkan masa berkunjung ke Program Penyaringan kesihatan anjuran bersama Syarikat As-Sunnah Global Venture Sdn. Bhd, Fakulti Sains Kesihatan dan Fakulti Perubatan bertempat di Makmal Pemakanan & Dietetik, Fakulti Sains Kesihatan, UiTM Kampus Puncak Alam. Program ini merupakan sebahagian daripada kajian klinikal bertajuk *'The effects of Habbatus sauda (Nigella sativa) plus honey supplementation on body composition metabolic parameters and gut microbiome of healthy young adults: A double-blind, randomized controlled trail'* di kalangan warga UiTM Cawangan Selangor.



Menyerlahkan Potensi
Membentuk Masa Hadapan

Program Jom Sihat UCS – “Treasure Hunt Merdeka 2022” anjran Bahagian Penyelidikan dan Inovasi, UCS



19 Ogos 2022 – Bahagian Penyelidikan dan Inovasi, UCS telah diberi kepercayaan untuk menganjurkan Jom Sihat UCS Edisi Ogos 2022. Memandangkan tarikh program jatuh pada bulan kemerdekaan, pihak BPI telah menganjurkan Jom Sihat UCS – “Treasure Hunt Merdeka 2022’ bertempat di Kompleks Al-Tijarah. Program telah berjalan dengan jayanya dan mendapat sambutan hangat dari warga UCS. Pelepasan ‘Treasure Hunt Merdeka 2022’ telah disempurnakan oleh YBhg. Prof. Madya Sr. Dr. Rosmadi Ghazali, Timbalan Rektor iCARE.

The poster features the event title 'Jom Sihat UCS' in large purple and blue letters. It includes the date 'JUMAAT 19 Ogos 2022', the time '8.00 pagi', and the location 'Bangunan At-Tijarah'. The UCS logo and the text 'Cawangan Selangor' are also present.

Warga UCS
dijemput hadir

Anjuran: Bahagian Penyelidikan dan Inovasi (P&I)

Menyerlahkan Potensi
Membentuk Masa Hadapan



Perbincangan Berkaitan Isu Semut Charlie di Kolej Casuarina, UCS Kampus Puncak Alam

19 Ogos 2022 – Perbincangan bersama pihak Konsesi TRIpIc Venture Sdn. Bhd, Pengetua Kolej Casuarina dan Bahagian Penyelidikan dan Inovasi(BPI) berkaitan isu semut *charlie* di Kolej Casuarina. Tujuan perbincangan adalah bagi mencari kaedah bagi menangani masalah tersebut. Pihak BPI bersama penyelidik UCS telah membuat kajian awal bagi mengatasi masalah tersebut dan akan membawa cadangan tersebut kepada pihak pengurusan dan konsesi bagi tindakan selanjutnya.



Perbincangan Berhubung Projek Penyelidikan bersama pihak Industri di dalam industri jagung bersekala besar



17 Ogos 2022 – Sesi perbincangan secara atas talian telah dijalankan bersama rakan industri, JMyKo Holding (M) Sdn. Bhd dan Dr. Gizan bin Salleh, bekas professor UPM yang mempunyai kepakaran di dalam penanaman pelbagai jenis jagung bersekala besar. Perbincangan mensasarkan kerjasama diantara UiTM, JMyKo dan Syarikat Lotte dari Korea Selatan di dalam industri penanama jagung di Malaysia. Bahagian Penyelidikan dan Inovasi merupakan pakar rujuk kepada projek tersebut melalui MoU yang telah ditandatangani bersama Syarikat JMyKo.

Menyertai Karnival Kuala Selangor Anjuran Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS)

7 Ogos 2022 – Bahagian Penyelidikan dan Inovasi, UCS telah dijemput untuk bersama-sama PTJ di UCS bagi menyertai Karnival Kuala Selangor bertempat di Eco Grandure, Bandar Puncak Alam. Karnival tersebut telah menarik minat komuniti sekitar bagi mengetahui berkaitan produk tempatan termasuk produk pelancongan di Daerah Kuala Selangor. Pihak BPI bersama PTJ UCS terutama pihak BHEP, UCS sebagai penyelaras program telah memamerkan kemudahan, perkhidmatan, produk inovasi dan program akademik UiTM pada pameran tersebut. Program tersebut bertujuan untuk meningkatkan visibiliti UCS terutama di kalangan penduduk setempat.



Menyerlahkan Potensi
Membentuk Masa Hadapan

Sesi Bersama Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) dan Sesi Pembentangan Strategi Penyelidikan dan Inovasi fakulti di UCS

4 Ogos 2022 - Sesi Bersama Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), YBhg. Professor Ts. Dr. Norazah Abd Rahman dan Sesi Pembentangan Strategi Penyelidikan dan Inovasi fakulti di UCS. Majlis juga turut dihadiri oleh YBhg. Prof. Dr. Ahmad Sazali Hamzah, Rektor UiTM Cawangan Selangor, Prof. Ts. Dr. Asmah Awal, Timb. Rektor (Penyelidikan dan Inovasi), UCS, YBhg. Prof. Dr. Nooritawati Md. Tahir, Pengarah Neksus Penyelidikan UiTM (ReNeU), Dekan-Dekan, Timbalan Dekan-Timbalan Dekan fakulti di UCS. Tujuan program adalah bagi perkongsian strategi penyelidikan di dalam memperkasakan penyelidikan UiTM dan visibiliti UiTM ke arah GRU 2025.



Mesyuarat JK Penganjuran Karnival Penyelidikan dan Inovasi UCS 2022 Bil.2/2022

21 Julai 2022 – Mesyuarat Penganjuran Karnival Penyelidikan dan Inovasi UCS 2022 Bil. 2/2022 yang telah dihadiri oleh ahli jawatankuasa yang telah dilantik bagi membantu pelaksanaan karnival sepertimana yang telah diminta oleh YBhg. Rektor. Tema program 'Inovasi Ke Arah Pemeriksaan Bumiputera'. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh YBhg. Prof. Ts. Dr. Asmah Awal yang merupakan pengerusi program.



SESI TAKLIMAT DAN MAJLIS PENYERAHAN SURAT TAWARAN GERAN PEMBUDAYAAN PENYELIDIKAN DANA UiTM CAWANGAN SELANGOR (DUCS-P) TAHUN 2022

20 Julai 2022 – Sesi Taklimat dan Majlis Penyerahan Surat Tawaran Geran Pembudayaan Penyelidikan Dana UiTM Cawangan Selangor (DUCS-P) Tahun 2022 telah berlangsung di DK9, FF4 UiTM Cawangan Selangor. Seramai 36 penyelidik telah berjaya memperolehi geran DUCS-P Tahun 2022. Majlis penyerahan surat tawaran telah disempurnakan oleh YBhg. Ts. Prof. Dr. Asmah Awal, Timbalan Rektor Penyelidikan dan Inovasi, UCS yang mewakili YBhg. Rektor UiTM Cawangan Selangor. Penerima juga telah diberi taklimat berkaitan pengurusan geran, penerbitan, inovasi dan tatacara kewangan penyelidikan oleh koordinator Bahagian Penyelidikan dan Inovasi dan pejabat Bendahari UCS.



Sesi '*UCS Research and Innovation Roadshow*' ke Pusat Asasi, UiTM Cawangan Selangor Kampus Dengkil

18 Julai 2022 - Sesi '*UCS Research and Innovation Roadshow*' diteruskan dengan kunjungan ke Pusat Asasi, UiTM Cawangan Selangor Kampus Dengkil yang telah disambut oleh YBhg. Prof. Dr. Saifollah Hj. Abdullah, Pengarah Pusat Asasi serta barisan pengurusan. Perbincangan tertumpu kepada perkongsian strategi serta jalinan kerjasama yang dapat dijalankan bersama pihak Pusat Asasi di dalam meningkatkan ketampakan penyelidikan dan *ranking* UiTM menerusi strategi bersasar ke arah GRU2025.



Menyerlahkan Potensi
Membentuk Masa Hadapan





Mesyuarat pertama 'Scholarly Output Performance Taskforce' UiTM Cawangan Selangor

27 Jun 2022 - Mesyuarat pertama 'Scholarly Output Performance Taskforce' UiTM Cawangan Selangor bagi memperincikan peranan dan pelan tindakan strategik (SAP) berdasarkan objektif penubuhan. Peranan *SOP Taskforce* sebagai indicator yang akan memacu dalam meningkatkan impak penerbitan dan visibiliti UiTM.

Perbincangan kerjasama penyelidikan dan akademik, di antara Bahagian Penyelidikan dan Inovasi, UCS bersama Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Malaysia dan Fakulti Perladangan dan Agroteknologi, UiTM Kampus Jasin



27 Jun 2022 - Perbincangan kerjasama penyelidikan dan akademik, di antara Bahagian Penyelidikan dan Inovasi, UCS bersama Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Malaysia dan Fakulti Perladangan dan Agroteknologi, UiTM Kampus Jasin. Perbincangan merangkumi kerjasama di dalam penyelidikan pertanian dan juga peluang menyambung pelajaran dikalangan kakitangan LPP di UiTM.



Menyerlahkan Potensi
Membentuk Masa Hadapan



Perbincangan Potensi Kolaborasi R&D – Projek *Biopolymer & Biodegradable Plastic* Diantara JMyKo Holding (M) Sdn Bhd dan Universiti Teknologi MARA Selangor UCS

20 Mei 2022 – Bahagian Penyelidikan dan Inovasi, UCS telah menjemput rakan industri JMyKo Holding (M) Sdn. Bhd didalam perbincangan potensi kolaborasi R&D Projek *Biopolymer & Biodegradable Plastic* yang berasaskan jagung. Peluang kolaborasi R&D ini diharap mendapat suntikan geran R&D Industri untuk penyelidik UCS. Sebagai makluman pihak UiTM mempunyai Memorandum Persefahaman (MoU) bersama JMyKo sejak Tahun 2021.




Menyerlahkan Potensi
Membentuk Masa Hadapan



Pembentangan Projek Teknologi Hijau – *Biopolymer & Biodegradable Plastic* kepada UPEN Perak

19 Mei 2022 – Bahagian Penyelidikan dan Inovasi, UCS telah dijemput bersama rakan industri JMyKo Holding (M) Sdn. Bhd untuk membentangkan Projek Teknologi Hijau – *Biopolymer & Biodegradable Plastic* yang berasaskan jagung kepada UPEN Perak. Melalui projek ini ianya bakal mewujudkan pelbagai potensi serta peluang perniagaan dan pekerjaan selain boleh dijadikan punca pendapatan baru untuk kerajaan Negeri Perak. Agenda kelestarian menjadi objektif utama projek ini dimana impak kepada alam sekitar dan komuniti diutamakan. Sebagai makluman pihak UiTM mempunyai Memorandum Persefahaman (MoU) bersama JMyKo dan kerajaan negeri Perak sejak Tahun 2021.



Menyerlahkan Potensi
Membentuk Masa Hadapan





Kunjungan hormat kepada YBhg. Prof. Ts. Datuk Dr. Hajah RoZIAH Mohd Janor, Naib Censelor UiTM.

12 Mei 2022 - Kunjungan hormat kepada YBhg. Prof. Ts. Datuk Dr. Hajah RoZIAH Mohd. Janor, Naib Censelor UiTM. Perbincangan dan perkongsian pendapat dalam meningkatkan visibiliti penyelidikan di UCS melalui strategi bersasar ke arah GRU2025. Beliau juga sempat berkongsi aspirasi beliau untuk warga penyelidik UCS.

Coffee Talk With Rozie (CTWR) Episode 5



12 Mei 2022 – YBhg. Profesor Ts. Dr. Asmah Awal, Timbalan Rektor Penyelidikan dan Inovasi, UCS telah menerima jemputan sebagai panel untuk sesi ‘*Coffee Talk With Rozie* (CTWR)’ episode 5 dengan topik “*Global Goals: UiTM at the Forefront in Ensuring Food Security*”. Turut dijemput sebagai panel ialah YBrs. Prof. Madya Ts. Dr. Mohd. Rasdi Zaini, Rektor UiTM Cawangan Melaka.

Bengkel Scholarly Output Performance & Topic Prominence

10 May 2022 – Program bertujuan memberi pendedahan mengenai indikator *highly cited paper* kepada penyelidik UCS, untuk mengenalpasti research portfolio mengikut *niche area* fakulti dan bidang kepakaran masing-masing dan merancang strategi penerbitan berdasarkan trend topic prominence ~~dan knowledge of~~ scientific excellence.



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Bahagian
Penyelidikan dan
Inovasi

SCHOLARLY OUTPUT PERFORMANCE & TOPIC PROMINENCE WORKSHOP

PANEL 1
UNDERSTANDING JOURNAL IMPACT FACTOR
Prof. Dr Zuraidah Abd Manaf
Division of Strategy & Performance Measurement
UTAR



PANEL 2
PERFORMANCE OF UiTM SCHOLARLY OUTPUT
Dr. Mad Khir Johari Abdullah Sani
Deputy Dean - Academic
Faculty of Information Management, UiTM & Consultant for Malaysian Citation Centre, MOHE



10TH MAY 2022/TUESDAY
8:30 AM-12:45 PM
VENUE: DKS00, UiTM PUNCAK ALAM



For more information:
Bahagian Penyelidikan dan Inovasi, UCS



Kunjungan hormat ke Pusat Penyelidikan Agrobiodiversiti dan Persekitaran, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)

27 April 2022 - Kunjungan ke Pusat Penyelidikan Agrobiodiversiti dan Persekitaran, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI). Antara tujuan lawatan adalah bagi mendapatkan maklumat dan gambaran berkaitan perkembangan dan hala tuju pertanian negara dengan lebih jelas, terutama tanaman yang berpotensi seperti Sacha Inchi, Kratom dan kabung. Pihak kami juga berharap melalui lawatan ini juga ianya dapat membina kerjasama penyelidikan di antara kedua-dua belah pihak. Lawatan juga turut disertai oleh rakan industri, Persada Bumiraya Sdn. Bhd



Menyerlahkan Potensi
Membentuk Masa Hadapan



Kunjungan Hormat Delegasi Bahagian Penyelidikan dan Inovasi, UCS ke Pejabat TNCPI UiTM



22 April 2025 - Kunjungan Hormat Delegasi Bahagian Penyelidikan dan Inovasi, UCS ke Pejabat TNCPI UiTM . Pertemuan membincangkan hal berkaitan penyelidikan & inovasi terutamanya penulisan yang merupakan cabaran utama, malah berperanan sebagai tonggak utama UCS. Antara cabaran yang mungkin dan telah wujud adalah dari segi kebersamaan/synergy dalam melaksanakan tugas dan usaha mencapai sasaran terutama sekali kampus UCS mempunyai 10 PTJ di bawah kelolaannya. Sehubungan dengan itu, Pihak Pejabat TNCPI berbesar hari untuk membantu menyediakan kemudahan dan membantu ahli akademik yang menghadapi masalah tertentu berkaitan penyelidikan dan inovasi. Turut hadir, Profesor Dato' Dr Abu Bakar Majeed, Pengarah RMC UiTM dan Profesor Dr Nooritawati, Pengarah Research Nexus UiTM (ReNeU), dan mereka turut berkongsi buah fikiran dalam memajukan penyelidikan & inovasi di UCS.

“Pada hemat saya, penyelidikan merupakan elemen yang akan membawa dan menentu ukur tahap keserjanaan seseorang ahli akademik. Ini boleh dilakukan menerusi aktiviti pengembangan dan eksplorasi ilmu ketika menjalankan penyelidikan. Demikian lah tugas kita yang saya percaya, semua pensyarah telah memahaminya untuk sekian lama.”- Profesor Ts. Dr Norazah Abd Rahman, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) UiTM.





Kunjungan hormat daripada Greenbio Co. Ltd. South Korea & JMyKo Holding (M) Sdn. Bhd. ke Bahagian Penyelidikan & Inovasi, UCS

20 April 2022 - Kunjungan hormat daripada Greenbio Co. Ltd. South Korea & JMyKo Holding (M) Sdn. Bhd. ke Bahagian Penyelidikan & Inovasi, UiTM Cawangan Seremban bagi melihat peluang kolaborasi antarabangsa di dalam beberapa bidang yang telah dipersetujui antaranya projek Biodegradable.



Sesi Audit Perjawatan UiTM Cawangan Selangor (UCS), Bahagian Penyelidikan & Inovasi



15 April 2022 - Sesi Audit Perjawatan UiTM Cawangan Selangor (UCS) di Bahagian Penyelidikan & Inovasi susulan pengistiharan UCS sebagai kampus berautonomi mulai 1 Mac 2022. Skop audit adalah bagi melihat kesesuaian penempatan staf di PTJ UCS dengan mengambil kira proses kerja tambahan yang diturunkan dan memastikan penggunaan tenaga kerja yang optimum. Pasukan Audit diketuai oleh En. Azanizam Ismail, dibantu oleh En. Mohammad Hisham Alias, Puan Zaiton Daud dan Ustaz Mohd Azlan b. Md Aris.

Kunjungan YBHG. Prof. Ts. Datuk Dr. Hajah Roziah Mohd Janor, Naib Canselor UiTM ke MAKERLAB UiTM Caw. Selangor

14 April 2022 - Pihak MAKERLAB UiTM beresa bertuah kerana Datuk Naib Canselor, Prof. Ts. Datuk Dr. Hajah Roziah Mohd Janor sudi meluangkan masa untuk singgah di MAKERLAB UiTM dan beramah mesra dengan pelajar-pelajar, serta melihat produk-produk yang dibangunkan oleh pelajar internship sejak dari tahun 2018.



Menyerlahkan Potensi
Membentuk Masa Hadapan



Latihan asas kemahiran rekaan 3D & 3D Printing dan Internet of Things (IoT) kepada pelajar B40 di makerspace Pustaka Raja Tun Uda, Shah Alam

9-10, 16-17 April 2022 - Latihan asas kemahiran rekaan 3D & 3D printing dan Internet of Things (IoT) kepada pelajar B40 di makerspace Pustaka Raja Tun Uda, Shah Alam. Program adalah anjuran Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) dengan kerjasama MAKERLAB UiTM. Jurulatih program rekaan 3D adalah pelajar UiTM yang telah dilatih di MAKERLAB UiTM manakala untuk IoT adalah pelajar dari Sport, Engineering & Artificial Intelligence Centre (SEA-AI), Kolej Pengajian kejuruteraan UiTM.



KUNJUNGAN HORMAT KE JABATAN PERTANIAN, PUTRAJAYA

1. Pembentangan Kratom (Persada Bumiraya Sdn. Bhd.) Bersama UiTM Cawangan Pahang dan Fakulti Perladangan dan Agroteknologi
2. Pembentangan Kabung (Kolaborasi Kerajaan Negeri Perak)
3. Perbincangan Penanaman Jagung (Kolaborasi JMyKo Sdn. Bhd. dan KTR)


UiTM Cawangan Selangor
1 April 2022



BIODEGRADABLE PROJECT – INITIAL DISCUSSION



Penjana Kapital
JMyKO Sdn Bhd
Green Bio Sdn Bhd
State Government of Perak
UiTM Cawangan Selangor
28 March 2022



Webinar Inovasi Gets Inspired Series: From Lab to Market

29 Mac 2022 – Program bertujuan memberi motivasi kepada penyelidik untuk menghasilkan produk berinovasi tinggi dari projek penyelidikan. Dr Mariani Abdul Hamid, CEO DERMAGS dari UTM Skudai dijemput sebagai penceramah. Beliau adalah salah seorang penyelidik tempatan yang berjaya mengkormesilkan produk penyelidikan dan mempunyai syarikat spin-off sendiri.

Program telah dihadiri oleh 184 orang peserta yang disiarkan secara LIVE di laman Facebook.



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Bahagian
Penyelidikan dan
Inovasi

Gets Inspired Series UCS Research & Innovation

Topic: From Lab to Market

29th March 2022 / Tuesday
2:30 pm - 3:30 pm

A sharing of experience by a university researcher on the process of bringing her research output to commercialize products. Join this session to learn how she turned her PhD works into award winning skincare products.

Speaker
Dr Mariani Abdul Hamid
The inventor of DERMAGS Skin Solution,
CEO of Biopro Cosmeceutical Sdn Bhd

Senior Lecturer
School of Chemical & Energy Engineering
Faculty of Engineering
Universiti Teknologi Malaysia

Facebook Live *Join Us!*
Bahagian Penyelidikan dan Inovasi, UCS



SEKIAN



اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA